

23/02/2003

Rajuk Sarimah berbaloi

ZUBIR kecewa jugalah apabila membaca kenyataan Sarimah yang dah tak berminat jadi penyanyi lagi sekalipun dah menang dua anugerah besar. Dia juga bukan lagi artis Positive Tone (PT) apabila kontraknya tamat akhir tahun lalu. Jadi, sekarang ni Sarimah sepenuh masa jadi hos TV dan pelakon filem!

Nak dijadikan cerita, ketika Zubir duduk melepak kat gerai mamak di Bangsar, minggu lalu seorang sumber yang juga kawan baik Sarimah mengkhabarkan satu berita gembira. "Zubir! Impian Sarimah akhirnya termakbul apabila terpilih sebagai hos rancangan talk show. Program tu ada kena mengena dengan kerajaan dan akan membicarakan pelbagai isu termasuk politik, wawasan dan teknologi.

"Sarimah memang sentiasa menunggu saat ini. Jadi, tak sia-sialah kalau dia merajuk tak mahu lagi menyanyi!," kata sumber itu.

Zubir dengar judul program tu ialah Malaysia 2020 dan Sarimah akan memulakan rakamannya mulai Mac. Ia akan disiarkan sama ada April atau Mei depan. Yang menariknya, rancangan ini akan disiarkan di RTM mulai Isnin hingga Jumaat, sebanyak 20 episod sebulan, masa tak confirm lagi, tapi yang pasti malam.

Khabarnya produksi yang buat program ni, 59 Communications dah rancang 240 episod untuk setahun! Semuanya nak pakai Sarimah sebagai hos!

Seperkara yang menarik, ahli panel pertama yang diundang ke studio khabarnya Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diikuti barisan anggota kabinet yang lain. Hai untung Sarimah, hari-hari dapat jumpa menteri dan berbicara soal politik.